

# PENGURUSAN INTEGRITI DAN KESELAMATAN (ISU RASUAH)

# BIODATA PENCERAMAH

Your paragraph text

Your paragraph text

Your paragraph text

Your paragraph text

# SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM)

**"RASUAH DIHINA MARUAH DIBINA"**

# LATAR BELAKANG SPRM

| | |
|---|---|
| 1959 | Unit Pencegahan Rasuah, Jabatan Perdana Menteri; Criminal Investigation Department (Special Crime), Polis DiRaja Malaysia; Bahagian Pendakwaan, Ministry of Justice |
| 1967 | Badan Pencegah Rasuah (BPR) |
| 1973 | Biro Siasatan Negara (BSN) |
| 1982 | Badan Pencegah Rasuah (BPR) |
| 2009 | Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) |



# MEKANISME 'CHECK AND BALANCE'





# FUNGSI SPRM



1

MENERIMA ADUAN KES RASUAH DAN SALAH GUNA KUASA

2

MENJALANKAN SIASATAN

3

MENYEDIAKAN KHIDMAT PERUNDINGAN DAN NASIHAT UNTUK MENAMBAHBAIK SISTEM, PROSEDUR DAN TATACARA YANG LEMAH



4

MENDIDIK DAN MENDAPATKAN SOKONGAN MASYARAKAT DALAM MEMERANGI RASUAH






# PRINSIP PENGASINGAN KUASA



# MENGAPA SPRM TIADA KUASA MENDAKWA?



# LAWS OF MALAYSIA

## FEDERAL CONSTITUTION

**"Peguam Negara hendaklah mempunyai kuasa yang boleh dijalankan menurut budi bicaranya, untuk memulakan menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan, selain prosiding di hadapan Mahkamah Syariah,**
**Mahkamah Anak Negeri atau Mahkamah Tentera."**

MORE INFO **Perkara 145(3) Perlembagaan Persekutuan**

# MASALAH RASUAH DI MALAYSIA SERIUSKAH?





# SITUASI RASUAH DI MALAYSIA

| BIL. | TAHUN | MAKLUMAT | KERTAS SIASATAN | TANGKAP | TUDUH | SABITAN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | 2019 | 7,724 | 1,039 | 1,101 | 288 | 145 |
| 2. | 2020 | 7,440 | 857 | 998 | 480 | 190 |
| 3. | 2021 | 6,463 | 828 | 851 | 525 | 300 |
| 4. | 2022 | 6,028 | 820 | 909 | 390 | 255 |
| 5. | 2023 | 6,040 | 1,026 | 1,137 | 446 | 185 |
| JUMLAH | | 33,685 | 4,570 | 4,996 | 2,129 | 1,075 |



# RASUAH DALAM PERKHIDMATAN AWAM?



## STATISTIK TANGKAPAN 2019 – 2023 (4,996 JUMLAH TANGKAPAN)



PENJAWAT AWAM

43.4%
(2,163)



belia ditangkap rasuah

***PEKERJA BAWAH 40TH***
46.7% (2,332)

***PENJAWAT AWAM BELIA***
53.7% (1,162)



***JUMLAH TANGKAPAN KESELURUHAN IKUT JANTINA***

4,179 LELAKI @ 83.7%
817 WANITA @ 16.3%

***KATEGORI JAWATAN PENJAWAT AWAM / 2,163***

***KUMP. PT = 39 @ 1.8%***
***KUMP. P&P = 580 @ 27.3%***
***SOKONGAN = 1,534 @ 70.9%***

66.3% M, 13.7% [illegible]8% I, 19.2% Lain2

Trend Gred 54 ke atas membimbangkan

# Tiga 'Focus Area' Siasatan SPRM

| PEROLEHAN | PENGUATKUASAAN | PENTADBIRAN |
|---|---|---|
| 24.1% | 24.4% | 37.4% |

# RASUAH MENGIKUT JENIS KESALAHAN

| TERIMA RASUAH | BERI RASUAH | TUNTUTAN PALSU | GUNAKAN JAWATAN | LAIN-LAIN |
|---|---|---|---|---|
| **2449 kes** | **936 kes** | **1376 kes** | **439 kes** | **330 kes** |
| **44.3%** | **• 16.9%** | **24.9%** | **8%** | **5.9%,** |

# TANGKAPAN RASUAH JENIS KESALAHAN 2019- 2023




| TERIMA RASUAH | BERI RASUAH | TUNTUTAN PALSU | GUNAKAN JAWATAN | WANG HARAM |
|---|---|---|---|---|
| 2,226 kes 44.5% | 674 kes • 13.5% | 1,312 kes 26.3% | 390 kes 7.8% | 88 kes 1.8%, |

## JUMLAH SITA & LUCUT HAK TAHUN 2019-2023



| NILAI RM | 2019 | 2020 | 2021 | 2022 | 2023 |
|---|---|---|---|---|---|
| SITA | 60,830,373.42 | 999,379,786.07 | 162,521,464.62 | 286,452,683.55 | 954,709,344.51 |
| LUCUT HAK | 1,285,273,511.63 | 14,331,914,169.18 | 5,138,747,240.81 | 149,695,241.49 | 8,111,183761.88 |



RM8.081 billion – Ops 1MDB Recovery

# MATLAMAT

1. DEFINISI RASUAH
2. KESALAHAN RASUAH
3. HUKUMAN





# KENALI



# RASUAH



# RASUAH

Penerimaan atau pemberian suapan (rasuah) bertujuan supaya seseorang itu melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasminya.



## DI MALAYSIA, RASUAH JUGA DIKENALI DENGAN NAMA-NAMA BERIKUT :

- DUIT MINYAK
- TUMBUK RUSUK
- PELINCIR
- MAKAN SUAP
- KAW TIM
- DUIT KOPI
- BUNGA EMAS
- UNDER COUNTER MONEY










BENTUK RASUAH
Wang
Hadiah
Bonus
Perkhidmatan
Upah
KENAIKAN PANGKAT
Jawatan
50% DISKAUN
Diskaun



# AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2009



MEMINTA/ MENERIMA RASUAH

MENAWAR/ MEMBERI RASUAH

MEMBUAT TUNTUTAN PALSU

MENGGUNAKAN KEDUDUKAN/ JAWATAN UNTUK SUAPAN

# 1 Meminta/ Menerima Rasuah



Mana-mana orang meminta /
menerima suapan (rasuah)
sebagai balasan untuk melakukan atau
tidak melakukan sesuatu perkara.

# ILUSTRASI 1




- Seorang kerani bank menerima RM500 daripada pemohon pinjaman.
- Sebagai upah memastikan permohonan pinjamannya diluluskan oleh pihak bank.

# ILUSTRASI 2




- Pegawai Bahagian Kewangan menerima wang berjumlah RM600 daripada seorang kontraktor.
- Sebagai upah mempercepatkan tuntutan bayaran kontraktor itu yang menjalankan kerja-kerja membaik pulih bilik pejabat.

# ILUSTRASI 3



- Setiausaha Politik kepada seorang menteri menerima komisen (2% daripada nilai projek) daripada kontraktor.
- Sebagai balasan Setiausaha Politik memastikan kontraktor mendapat projek di kementerian terbabit.

# ILUSTRASI 4



- Pengajar pusat latihan memandu meminta dan menerima suapan wang tunai berjumlah RM1,000.

- Sebagai upah untuk mendapatkan lesen memandu tanpa menghadiri ujian memandu (gerenti lulus).

# 2 Menawar/Memberi Rasuah



Mana-mana orang menawar / memberi rasuah kepada seorang ejen / pegawai awam sebagai balasan untuk melakukan sesuatu perkara berkaitan tugasan rasmi pegawai awam tersebut.

# ILUSTRASI 1



- Seorang peniaga runcit memberi wang rasuah sebanyak RM500 kepada penguatkuasa Kastam.
- Supaya beliau tidak ditangkap atas kesalahan memiliki rokok seludup.

# ILUSTRASI 2



- Pengurus kelab malam menawarkan dan memberi wang rasuah kepada penguat kuasa PBT.
- Bertujuan agar tidak diambil tindakan terhadapnya yang melanggar syarat-syarat permit perniagaan yang ditetapkan.

# ILUSTRASI 3




- *Seorang pemandu memberi wang rasuah RM100 kepada anggota Polis.*
- *Sebagai balasan untuk melepaskan diri daripada tindakan undang-undang kerana memandu kenderaan yang telah tamat tempoh cukai jalan.*

# ILUSTRASI 4



- ***Seorang calon majlis tertinggi parti politik telah memberi rasuah RM1,000 kepada lima ahli parti.***

- ***Rasuah bertujuan ahli terbabit mengundinya dalam pemilihan jawatan dalam parti.***

# 3 Tuntutan Palsu



Mana-mana orang menggunakan / mengemukakan dokumen tuntutan yang mempunyai butiran palsudengan niat untuk memperdayakan pejabatnya.

# ILUSTRASI 1




***Menuntut bayaran bagi barang yang belum lagi dihantar***

***•Pembekal mengemukakan dokumen Pesanan Kerajaan kepada jabatan kerajaan.***

***•Pembekal menuntut bayaran bagi pembekalan pakaian sukan serta pakaian seragam sekolah.***

# ILUSTRASI 2



***Tuntutan bayaran penuh, padahal barang tidak cukup bilangan atau tidak ikut spesifikasi***

***•Kontraktor mengemukakan dokumen pesanan kerajaan bagi tuntutan bayaran bagi kerja-kerja menggantikan 20 buah pintu bilik di pejabat.***

# ILUSTRASI 3



- ***Kontraktor mengemukakan tuntutan bayaran kemajuan 50%.***
- ***Sebenarnya, kemajuan pembinaan sebenar hanya 20% sahaja.***

# ILUSTRASI 4



- ***Seorang ADUN menuntut elaun sidang DUN. Sebenarnya beliau tidak hadir ke sidang tersebut.***
- ***Seorang EXCO membuat tuntutan daripada peruntukan ADUN. Kononnya, beliau melaksanakan program untuk kawasannya. Sebenarnya, program tidak dibuat***

# 4 SALAH GUNA KUASA OLEH PEGAWAI AWAM



Pegawai badan awam menggunakan kedudukannya dalam membuat keputusan atau mengambil apa-apa tindakan berhubung sesuatu perkara di mana dia, saudara atau sekutunya mempunyai kepentingan.

# ILUSTRASI 1



***Dalam satu mesyuarat tender, pengerusi mesyuarat selaku YDP Pihak Berkuasa Tempatan telah menggunakan jawatan beliau dengan meluluskan projek pembinaan rumah kos rendah kepada syarikat XXX Sdn. Bhd. yang dimiliki oleh isterinya.***

# ILUSTRASI 2




***Pengarah Kewangan sebuah syarikat milik kerajaan (GLC) meluluskan pemberian projek kepada syarikat anaknya.***

# ILUSTRASI 3



- *Seorang Menteri meluluskan hak milik tanah kepada anaknya.*
- *Exco terlibat dalam mesyuarat yang membuat meluluskan permohonan tanahnya sendiri.*
- *Exco mencadangkan syarikat milik abangnya untuk diberikan projek kerajaan negeri.*



‘Saudara’ termasuk.

- a. isteri atau suami pegawai awam itu;
- b. adik atau abang atau kakak pegawai awam itu;
- c. adik atau abang atau kakak isteri atau suami pegawai awam itu
- d. orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan pegawai awam itu;
- e. orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan isteri atau suami pegawai awam itu;
- f. orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke bawah dengan orang yang disebut dalam perenggan ‘b’;
- g .bapa saudara, emak saudara atau sepupu pegawai awam itu; dan
- h. menantu pegawai awam itu.

Penerimaan & Pemberian

# HADIAH





Bagaimana menjadi rasuah?

# PERINGATAN KEPADA PEGAWAI AWAM






JANGAN sesekali menerima hadiah / barang bernilai daripada kontraktor / pembekal yang berurusan rasmi dengan anda.

***Kesalahan menerima hadiah oleh penjawat awam***




***Seksyen 165 Kanun Keseksaan Penjawat awam menerima barang bernilai tanpa balasan setimpal daripada pihak yang mempunyai urusan rasmi dengannya.***

Hukuman
Penjara 2 tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.



•KOTA KINABALU, 24 Mei 2018 – Bekas Pengarah JKR WP Labuan dijatuhkan hukuman denda RM3,000 selepas mengaku bersalah menerima hadiah daripada individu yang mempunyai hubungan rasmi dengan beliau.

•Beliau menerima pakej penginapan dan pakej golf di Sutera Harbour Resort, Kota Kinabalu bernilai RM2,880.90 daripada Pengurus Projek Borneo era Sdn. Bhd.

•Pengurus tersebut mempunyai urusan rasmi dengan tertuduh melibatkan projek pembinaan jalan pintas Kampung Gersik, WP Labuan.

•Kesalahan dilakukan pada 5-7 Ogos 2015 di Sutera Harbour Resort, Kota Kinabalu.

•Nota: Beliau juga didakwa menerima wang tunai RM5,000 daripada pengurus tersebut.

**BREAKING NEWS**



Bekas Pengarah JKR Labuan didakwa terima pakej main golf, wang tunai

KOTA KINABALU 5 Jun – Bekas Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) Labuan didakwa di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas dua pertuduhan menyalahgunakan kuasa dengan menerima pakej percutian termasuk bermain golf dan wang tunai berjumlah hampir RM8,000 daripada seorang kontraktor pembinaan jalan, dua tahun lalu.

Ismail Che Ros, 55, yang kini bertugas di JKR Melaka, mengaku tidak bersalah terhadap kedua-dua pertuduhan tersebut yang didakwa dilakukan di sebuah bilik di hotel bertaraf lima bintang, Sutera Harbour Resort di sini antara 5 dan 7 Ogos 2015.

Mengikut pertuduhan pertama, Ismail didakwa menerima barang berharga tanpa balasan iaitu penginapan mewah dan pakej bermain golf bernilai RM2,880.90 di hotel tersebut daripada kontraktor berkenaan yang juga pengurus projek, Teoh Hon Chun antara 5 dan 7 Ogos 2015.

Bagi pertuduhan kedua, pada 6 Ogos 2015, Ismail didakwa menerima wang tunai RM5,000 daripada Hon Chun tanpa balasan walaupun mengetahui syarikat milik kontraktor itu mempunyai kaitan dengan tugas rasminya membabitkan projek pembinaan jalan pintas Kampung Gersik, Labuan.

Kedua-dua pertuduhan itu dikemukakan oleh Timbalan Pendakwa Raya daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Rozarina Abd. Hadi mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya.

Hakim Abu Bakar Manat membenarkan Ismail yang diwakili peguam Zahir Shah, dibebaskan dengan jaminan RM10,000 beserta seorang penjamin dan diperintah menyerahkan pasport kepada mahkamah dan melapor diri sebulan sekali di pejabat SPRM.

Mahkamah menetapkan 17 Julai ini sebutan semula kes dan penyerahan dokumen oleh pihak pendakwaan dan pembelaan.

Pada 22 November tahun lalu, Ismail ditahan SPRM bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 17(a) SPRM 2009 berhubung penyelewengan membabitkan projek bernilai RM48 juta di Labuan.

ISMAIL CHE ROS (kanan) berbincang dengan peguamnya ketika dihadapkan ke Mahkamah Sesyen atas tuduhan menerima rasuah membabitkan projek pembinaan jalan di Labuan, di Kota Kinabalu, semalam. – UTUSAN/IRWAN MAJID

HENTI GOLF - SPRM

KERATAN Mingguan Malaysia 1 Januari 2017.

UM 6/6/17

**Bekas Pengarah JKR Labuan mengaku salah** terima hadiah, didenda **RM3,000**

LAWS OF MALAYSIA

FEDERAL CONSTITUTION

# *Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998:*

*Garis Panduan Pemberian dan Penerimaan Hadiah dalam Perkhidmatan Awam*

- Menyediakan panduan kepada penjawat awam berhubung pemberian dan penerimaan hadiah.
- Menjelaskan bentuk hadiah yang boleh dan tidak boleh diterima.

# HADIAH



# menjadi RASUAH apabila...

1 Pemberi dan penerima hadiah mempunyai hubungan rasmi

2 Pemberian hadiah mempengaruhi keputusan yang akan dibuat oleh si penerima

3 Nilai hadiah tidak setimpal dengan maksud hadiah diberi



Semua hadiah yang diterima wajib diisytiharkan secara BERTULIS kepada ketua jabatan.



# TANGGUNGJAWAB MEMBUAT ADUAN

Wajib lapor **tawaran/pemberian** rasuah

- Mana-mana orang yang dijanji, ditawar, atau diberi rasuah untuk melakukan sesuatu perkara.
- Wajib melaporkan kepada SPRM.



**GAGAL MELAPOR**

- Didenda tidak lebih RM100,000; atau
- Penjara tidak lebih 10 tahun; atau
- Kedua-duanya sekali.

# GAGAL LAPOR SOGOKAN, LIMA PEGAWAI MOF DIDENDA







KUALA LUMPUR, 2 Disember 2020 - 5 kakitangan Unit Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) masing-masing didenda RM1,500 hingga RM2,000.

Mereka mengaku bersalah atas tuduhan gagal melaporkan kesalahan penyogokan kepada SPRM.

Mereka telah ditawarkan suapan berjumlah RM200 hingga RM600 dari orang tengah bagi tujuan mempercepatkan proses Permohonan Baru Akaun Kementerian Kewangan untuk beberapa syarikat melalui sistem e-Perolehan.

# GAGAL lapor rasuah, bekas eksekutif pembelian didenda RM7,000




- KUALA LUMPUR, 19 Ogos 2021 - Gara-gara gagal melaporkan rasuah yang diberikan kepadanya, seorang bekas eksekutif pembelian didenda RM7,000 oleh mahkamah.

- Tertuduh (wanita) merupakan Senior Buyer di Sapura Energy Berhad telah diberikan suapan RM4,000 oleh seorang pengarah syarikat.

- Balasan rasuah - membocorkan maklumat harga tender syarikat lain bagi projek '*Provision of Engineering, Procurement, Construction, Installation and Commissioning (EPCIC) of Pegaga Development Project*'. Tender ini adalah daripada Sapura Energy Berhad.



# Melaporkan Rasuah:

## Apa yang penting?

- Tarikh, masa dan tempat kejadian.
- Identiti pemberi, penerima dan orang tengah (jika ada).
- Apa yang berlaku dan siapa yang terlibat dalam kejadian.
- Saksi-saksi yang mengetahui atau melihat kejadian.
- Dokumen-dokumen yang berkaitan.





Sekiranya anda ditawarkan rasuah, **APA** perlu dilakukan?

"**TOLAK** tawaran rasuah tersebut **secara baik.**"



SEKIRANYA, TAWARAN **TERUS** BERLAKU?

# KAEDAH 1 - Tangkap pemberi



- Tangkap pemberi rasuah dan bawa ke SPRM.
- Rasuah adalah kesalahan boleh tangkap - Seksyen 49(1) Akta SPRM 2009.
- Wang yang diterima mesti diserahkan kepada SPRM.

# KAEDAH 2 - Terima & lapor



- Terima wang berkenaan.
- Dengan segera, lapor kepada SPRM.
- Wang yang diterima mesti diserahkan kepada SPRM.
- **NOTA:** Sebagai langkah keselamatan, maklum penyelia dan catat dalam diari rasmi.

# PENGIKTIRAFAN KEPADA MEREKA YANG MENOLAK RASUAH



- Pegawai awam yang menolak rasuah, akan diberikan pengiktirafan atau ganjaran.
- Selaras dengan surat KSN bertajuk ‘Garis Panduan Pengiktirafan Kepada Penjawat Awam Yang Melaporkan Pemberian atau Penerimaan Rasuah’.

# PENGIKTIRAFAN KEPADA MEREKA YANG MENOLAK RASUAH




**436** penjawat awam telah menerima pengiktirafan ini

**RM1,006,914**

Jumlah ganjaran yang telah diberi kepada penjawat awam terbabit

# Bagaimana melapor jenayah **rasuah**?



- Datang sendiri ke mana-mana pejabat SPRM
- Menghubungi pejabat SPRM

  *Talian Bebas Tol : **1-800-88-6000***

  *Talian Biasa : **03-8870 0688***

  *SMS : **019-6000 696***

  *Faks : **03-8870 0901***

- E-mel kepada **info@sprm.gov.my**
- Portal SPRM - Sistem Pengurusan Aduan (CMS)
- Mengirim surat ke **Peti Surat 6000** (tanpa setem)
- Menghubungi mana-mana pegawai SPRM



Pemberi
maklumat
& saksi SPRM

AKAN
DILINDUNGI!



# SAKSI

- Orang yang mempunyai pengetahuan langsung melalui:
  - penglihatan,
  - pendengaran dan
  - penglibatannya dalam sesuatu kelakuan jenayah.
- Menjadi saksi perbicaraan di mahkamah.
- Dilindungi di bawah Akta Perlindungan Saksi 2009.

# Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010



Kerahsiaan identiti pemberi maklumat itu sendiri




Kebal daripada tindakan sivil, jenayah, atau tatatertib akibat daripada pendedahan



Perlindungan terhadap tindakan yang memudaratkan - apabila pemberi maklumat diambil tindakan

# Akta Perlindungan Saksi 2009

Menyediakan tempat tinggal untuk peserta itu



Memohon mewujudkan identiti baru

Memberikan pembayaran sara hidup



Apa-apa tindakan lain yang sesuai

Bentuk perlindungan melalui Program Perlindungan Saksi

# PERTUDUHAN PERTAMA DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010




- KUALA LUMPUR, 18 September 2020 - Timbalan Pengarah Education Malaysia Global Services (EMGS) dituduh di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur di bawah Seksyen 10(3)(b) Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.

- Tertuduh didakwa telah **menyebabkan seorang pegawai EMGS dipecat** selepas memberi maklumat berkaitan rasuah kepada SPRM.

- Tertuduh merupakan individu pertama yang dituduh di bawah akta ini.

- Jika sabit kesalahan, boleh dihukum penjara maksimum 15 tahun atau denda atau kedua-duanya.



# Mengapa

# RASUAH BERLAKU?



# KUASA!





Sifat TAMAK dalam diri dan wujud PELUANG untuk melakukan rasuah

Menurut **Profesor John Hogarth** (Law Faculty, University of Canada), rasuah berpunca daripada sifat tamak (*greed*) dan kerana wujud peluang (*opportunity*).

## ILUSTRASI



**Tamak**

Setiap orang memerlukan keperluan asas seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal. Kerana tamak, ada yang **mahukan lebih** daripada itu, sedangkan dia tidak mampu.

**Peluang**

Wujud kerana kelemahan kawalan dalaman, karenah birokrasi, tiada pemantauan, tiada sistem pengasingan tugas dan penggunaan kuasa budi bicara. Contohnya, prosedur permohonan yang mempunyai banyak lapisan (birokrasi atau '*red tape*') sebelum diluluskan menyebabkan urusan menjadi lambat. Keadaan itu membuka peluang kepada pelanggan yang ingin cepat untuk menawarkan rasuah.



# Corruption Equation

  

Kuasa + Peluang - Integriti

= **RASUAH** 

# Teori Segi Tiga Fraud

(Donald R. Cressey, 1953)




TEKANAN
FAKTOR
BERLAKU RASUAH
PELUANG
RASIONALISASI

# FAKTOR BERLAKU RASUAH

## TEKANAN

### KEWANGAN

- Kos sara hidup tinggi
- Masalah hutang
- Hidup bermewah-mewah
- Tabiat berjudi

### KERJA

- Tidak dinaikkan pangkat
- Berasa gaji tidak setimpal kerja yang dilakukan
- Penilaian SKT yang rendah/tidak patut

## PELUANG

- Kawalan dalaman yang lemah
- Ruang berlaku rasuah dalam sistem/prosedur
- Tiada pemantauan
- Tiada pengasingan tugas
- Banyak budi bicara

## RASIONALISASI

- “Orang nak bagi. Ambik je la. Bukan mintak pun.”
- “Bos pun ambik rasuah. Tak kan aku tak boleh kot.”
- “Bukan duit dia pun. Dia akan ‘claim’ kat syarikat.”
- “Kalau saya tak ambil, orang lain akan ambil.”

# Mengenal SIMPTOM RASUAH





Perubahan gaya hidup mewah secara tiba-tiba










FAILED

Kegagalan menjelaskan punca perolehan harta






Enggan dinaikkan pangkat atau ditukarkan 

# Panggilan telefon yang mencurigakan








Suka hidup berlagak seperti orang kaya

Perletakan jawatan secara tiba-tiba





Perhubungan rapat dengan pelanggan syarikat/jabatan



# KESAN RASUAH

# Kesan rasuah kepada

# EKONOMI & REPUTASI NEGARA





USD2.6 trilion

Anggaran jumlah kerugian dunia setiap tahun kerana rasuah (5% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar atau GDP)

**Sumber:** *Transparency International*

# Kesan rasuah kepada INDIVIDU







# TUMBANG kerana rasuah!



Presiden Suharto (Indonesia)

Presiden Mobuto (Zaire)





Presiden Marcos (Filipina)

Richard Nixon (Amerika Syarikat)



# Kerana Rasuah!



Ahli Politik Amerika Syarikat Robert Budd Dwyer menembak diri sendiri semasa sidang akhbar (1987)

Menteri Pertanian, Perhutanan dan Perikanan Jepun, Toshikatsu Matsuoka gantung diri (2007)



# Kerana Rasuah!






Menteri Pembangunan Singapura, Teh Cheang Wan bunuh diri semasa siasatan CPIB (1986)



Perdana Menteri Israel, Ehud Olmert dipenjara
18 bulan (mulai Feb 2016)

# RASUAH: JIKA BERSALAH…




PENJARA tidak lebih 20 tahun;

DAN

DENDA 5 kali ganda nilai suapan, atau RM10,000, mana yang lebih tinggi.





Hukuman penjara boleh menyebabkan seseorang penjawat awam hilang **kelayakan pencen**.




Seksyen 21(1) Akta Pencen 1980, "*... jika mana-mana orang yang telah diberikan pencen atau faedah lain di bawah Akta ini dikenakan hukuman mati atau penjara selama sesuatu tempoh oleh suatu Mahkamah, maka pencen atau faedah lain itu hendaklah terhenti dengan serta-merta.*"




Nama perasuah akan dipaparkan dalam

Selama tempoh 3 tahun

Portal Rasmi
SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA
Bebas • Telus • Profesional

LAPORKAN RASUAH
1-800-88-6000

ama | Korporat | Penguatkuasaan | Pencegahan | Pendidikan | MACA | ACE | Hubungi Kami

# Data Pesalah Rasuah

NGUATKUASAAN

- Pengenalan
- Fungsi
- Bidang Kuasa & Akta
- Laporkan Rasuah
- Proses Siasatan
- Perlindungan Pemberi Maklumat
- Perlindungan Saksi
- Hak Orang Kena Tangkap (OKT)
- Data Pesalah Rasuah



**PANGKALAN DATA PESALAH RASUAH**

Objektif utama inisiatif ini adalah untuk menunjukkan langkah-langkah pencegahan dan memberikan petunjuk yang jelas bahawa perang telah diisytiharkan terhadap rasuah. Pangkalan Data ini berkhidmat sebagai satu alat kesedaran yang penting untuk membantu orang awam dan organisasi dalam melaksanakan proses penyelidikan dan penilaian sebelum mengambil, melantik atau menaikkan pangkat pekerja mereka.

LIHAT SEPENUHNYA

STATISTIK PAPARAN DATA PESALAH

## CARIAN DATA PESALAH RASUAH

A | B | C | D | E | F | G | H | I | J | K | L | M | N | O | P | Q | R | S | T | U | V | W | X | Y | Z | #

Kesan rasuah kepada

# HARTA BENDA



Hasil rasuah

# DISITA & DILUCUT HAK










# Transaksi hasil Rasuah



Jenayah pengubahan wang haram



# ILUSTRASI


CASINO
Kasino
Bot
Akaun bank
Transaksi
Transaksi
Transaksi
648668
jenayah
Memperoleh
HASIL JENAYAH
Transaksi
Hartana
Transaksi
Kenderaan
Transaksi
Transaksi
Percutian mewah
Peralatan mahal

# PENYELEWENGAN DI KBS




8 Mac 2016
- SPRM menahan Setiausaha Bahagian, disyaki mendalangi sindiket seleweng dana kerajaan RM107 juta.

**SPRM menyita:**

- 69 akaun bernilai RM8.33 juta,
- Merampas rumah
- 12 kereta mewah (Audi, Mercedes Benz, Nissan GTR & Toyota Vellfire).
- Jam Richard Mille (RM400,000)
- 40 beg tangan termasuk jenama Hermes (RM400,000)
- Set cadar mewah (RM260,000),
- Cincin mutiara Cartier (RM600,000).

# SKANDAL AIR SABAH

- Ops Water - dijalankan dalam bulan Oktober 2016.
- Melibatkan Jabatan Air Negeri Sabah.
- Keseluruhan rampasan berjumlah RM214,139,537



Wang tunai
RM75,803,598




Akaun bank
RM25,091,972

9 kereta mewah

575 barang kemas emas

346 barang kemas permata

93 beg tangan berjenama

86 jam tangan mewah

127 bidang tanah



4 individu didakwa di mahkamah atas kesalahan pengubahan wang haram di bawah AMLATFAPUAA 2001:

- Pengarah JANS - 14 pertuduhan
- Isteri Pengarah JANS - 21 pertuduhan
- Timbalan Pengarah JANS - 127 pertuduhan
- Mantan Timbalan Pengarah JANS - 4 pertuduhan

NOTA: Pertuduhan dibuat secara berperingkat. Pertuduhan pertama pada 29 Disember 2016

# Kesan rasuah kepada ORGANISASI

# Rasuah menyebabkan...



- Perkhidmatan menjadi tidak cekap
- Sistem, prosedur, dan peraturan menjadi tidak berkesan.
- Wujud ketidakadilan dalam perkhidmatan
- Hilang kepercayaan orang awam/pelanggan
- Merosakkan imej jabatan/organisasi.

Contoh kesan rasuah

# Kerugian besar Sime Darby

Sime Darby mengumumkan kerugian sebanyak RM964 juta bagi suku tahun kedua tahun kewangan 2010.
'Ops Bilion' oleh SPRM membawa kepada penangkapan 4 pegawai kanan termasuk CEO Sime Darby yang terlibat dengan rasuah.

# Siemens didenda USD1.6 bilion




**Siemens AG** merupakan antara syarikat kejuruteraan elektronik terbesar di dunia.

Didakwa membuat bayaran rasuah bejumlah €1.3 bilion untuk memenangi bidaan bagi projek-projek besar.

Disember 2008 - Siemens mengaku bersalah. Siemens bersetuju membayar penalti **USD1.6 bilion** kepada pihak berkuasa Amerika dan Eropah.

# Liabiliti korporat

Seksyen 17A Akta SPRM 2009

Syarikat atau organisasi komersial boleh didakwa dan dihukum kerana membenarkan pegawai/kakitangannya melakukan rasuah untuk memperoleh sesuatu projek (atau mendapat sesuatu faedah).



# Kesan rasuah kepada KESELAMATAN & ALAM SEKITAR

# Rasuah, perlombongan dan penyeludupan pasir





Pelakuan rasuah menyebabkan berlakunya penyeludupan serta perbuatan mencuri pasir.

Dianggarkan 3,000 lori digunakan untuk mengangkut pasir selama setahun. Kerugian boleh mencecah hampir **RM600 juta**.

Pengorekan pasir melebihi had yang dibenarkan boleh mengubah corak aliran air sungai dan seterusnya mengganggu habitat tumbuhan dan haiwan.



# Pintu masuk negara diceroboh



- Dianggarkan **1,000 - 1,500 PATI** lolos masuk ke negara ini setiap hari.
- Purata bayaran yuran pas lawatan (kerja sementara) serta levi yang sepatutnya dikenakan adalah RM800 seorang.
- Kerajaan Malaysia dianggarkan mengalami kerugian mencecah RM86.4 juta setahun.
- Kos tambahan yang sukar dianggarkan apabila mengambil kira aspek keselamatan, implikasi sosial dan kesihatan.




***RANTAIAN RASUAH***



# KEBERSAMAAN MEMERANGI RASUAH

- Firman Allah SWT dalam Surah al-Maidah ayat 2:

"Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertakwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya)."





# TERIMA KASIH